

*Bacalah Sayang@PUP***Nailul Azmi Ismail**

nailul_azmi_ismail@moe.edu.sg

Zaleha Ahmad

zaleha_ahmad@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Park View

Abstrak

Kurang pendedahan kepada penggunaan bahasa Melayu di rumah merupakan salah satu faktor penyumbang yang menyebabkan kegagalan seseorang murid dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, masalah ini harus ditangani untuk memantapkan keupayaan murid dalam bahasa Melayu terutama dalam aspek pemahaman. Kajian tindakan ini telah dijalankan untuk menilai prestasi pencapaian murid melalui pengajaran dan pembelajaran pemahaman membaca. Kajian ini melibatkan pembinaan tiga proses kemahiran dalam membaca iaitu *decoding*, interpretasi dan aplikasi terhadap pembentukan pemahaman literal dan inferens dalam kalangan murid. Program pendidikan pemulihan yang dinamakan sebagai Program Bacalah Sayang ini ditumpukan pada pembaca lemah dan murid bukan Melayu. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program ini adalah seperti pelajaran kosa kata baharu dengan menggunakan kad imbasan, kad bergambar dan kaedah latih tubi melalui laman Quizlet.com. Dapatan kajian menunjukkan Program Bacalah Sayang mampu meningkatkan keupayaan murid untuk menjawab soalan kefahaman. Keyakinan murid juga meningkat dalam menggunakan kosa kata baharu yang dipelajari melalui aktiviti interaksi lisan di dalam kelas. Secara keseluruhan, program pemulihan ini telah berjaya meningkatkan pencapaian murid khususnya bagi komponen pemahaman dalam ujian penilaian. Selain daripada itu, minat dan keyakinan diri murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah juga menunjukkan kemajuan yang menggalakkan.

Kata Kunci: program pendidikan pemulihan, Bacalah Sayang, *decoding*, interpretasi, aplikasi



PENGENALAN

Setiap murid di dalam sesebuah kelas berbeza dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi, pengalaman, minat dan bakat. Oleh itu, keupayaan mereka untuk belajar juga berbeza. Kerencaman latar belakang murid dan pendedahan yang diperoleh terhadap penggunaan Bahasa Melayu di rumah turut menyumbang kepada kelakonan dan prestasi mereka di dalam kelas. Di dalam sesebuah kelas yang mempunyai ramai murid, perbezaan-perbezaan ini sememangnya sukar diberi perhatian dan ditangani oleh guru.

Melalui tinjauan yang dibuat oleh guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Park View (PVP) pada akhir tahun 2014, bilangan murid yang gagal dalam ujian subjek Bahasa Melayu bagi kohort P2-P4 ialah seramai 20 orang murid. Dengan menggunakan konsep pendidikan pemulihan, satu kajian tindakan telah dijalankan yang bertujuan untuk menilai prestasi pencapaian murid dalam pembelajaran pemahaman membaca. Lantas, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan ketiga-tiga kemahiran dalam proses membaca iaitu *decoding*, interpretasi dan aplikasi terhadap pembentukan pemahaman bagi soalan berbentuk literal dan inferens dalam kalangan murid.

Murid yang mengikuti Program Bacalah Sayang terdiri daripada pembaca lemah yang kebanyakannya terdiri daripada murid bukan Melayu. Program dwirampung yang dijalankan dua kali seminggu merupakan usaha sama dalam kalangan guru-guru yang terlibat untuk menarik bantuan ahli-ahli Persatuan Sokongan Ibu Bapa (PSG). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan merangkumi pendedahan awal terhadap kosa kata baharu dengan menggunakan kad imbasan, kad bergambar dan juga aktiviti latih tubi melalui aplikasi interaktif di laman Quizlet.com. Program ini diharap bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman murid bahkan keupayaan mereka untuk menggunakan kosa kata yang telah dipelajari dalam konteks baharu secara bertulis dan lisan .

PERNYATAAN MASALAH

Program pemulihan merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi dalam kalangan murid yang lemah di Singapura. Program ini disediakan untuk



menyokong murid yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik di peringkat sekolah rendah bawah. Profil murid yang disertakan dalam Program Sokongan Pembelajaran Bahasa (LSP) dan Program Sokongan Pembelajaran Matematik (MSP) lazimnya terdiri daripada murid-murid yang lemah disebabkan beberapa faktor, iaitu a) murid tidak mengikuti pendidikan pratadika atau pun b) mengalami masalah pembelajaran. Murid-murid ini akan ditempatkan di dalam kelas khas dan akan menjalani aktiviti pemulihan yang dirancang oleh guru pemulihan dalam subjek-subjek yang telah dikenal pasti. Tujuan program pemulihan berfokus ini adalah untuk memantapkan kemahiran asas murid khususnya kemahiran membaca dan mengira sehingga murid bersedia untuk diserapkan semula ke dalam kelas asal.

Projek ini dimulakan atas dasar ingin mengatasi masalah murid yang lemah dalam aspek pemahaman membaca. Peningkatan dari segi kadar murid yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama di rumah menimbulkan suatu cabaran baharu kepada guru-guru bahasa Melayu.

Kadar kemasukan tenaga kerja dari luar negara semakin meningkat. Hal ini juga telah menimbulkan suatu situasi baharu dalam landskap pendidikan dan berbahasa di Singapura di mana profil murid semakin rencam. Salah satu dasar utama Kementerian Pendidikan adalah dwibahasa; yang memerlukan setiap murid di Singapura mempelajari Bahasa Ibunda agar dapat menghargai bahasa, budaya dan bangsa mereka. Peningkatan dari segi kemasukan murid antarabangsa yang mengambil subjek Bahasa Melayu sebagai pilihan untuk memenuhi kriteria pendidikan Singapura telah menimbulkan permasalahan yang baharu bagi guru-guru.

Kedua-dua golongan murid ini lazimnya tidak mampu memahami maksud perkataan yang dibaca disebabkan kurangnya pendedahan pada bahasa Melayu dan sokongan di rumah. Disebabkan keterbatasan dari segi penguasaan kosa kata asas tatabahasa, murid tersebut menghadapi masalah untuk menggarap isi pembelajaran yang disampaikan oleh guru-guru di dalam bilik darjah. Jurang penguasaan tatabahasa ini menghambat pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti perbincangan yang dijalankan di dalam kelas. Secara tidak langsung, ini memberi kesan yang buruk terhadap



tahap pencapaian akademik dan motivasi diri murid serta menjejaskan minat mereka terhadap bahasa Melayu.

Program Bacalah Sayang merupakan satu program pemulihan yang bertujuan untuk mengatasi keperluan pembelajaran murid-murid yang mengalami kesukaran untuk menggarap pembelajaran dalam kelas disebabkan kekangan-kekangan tertentu. Program sokongan ini dijalankan untuk membantu murid yang lemah dalam pencapaian akademik mereka dan meningkatkan keyakinan diri mereka untuk menggunakan bahasa Melayu secara aktif dalam perbualan seharian mereka. Peningkatan dari segi keupayaan murid untuk memahami bahasa Melayu justeru akan dapat memupuk sikap yang lebih positif dan menyemai kecintaan terhadap bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan murid.

Persoalannya, seandainya program pemulihan yang berstruktur dan berperingkat diperkenalkan, dapatkah program ini meningkatkan tahap pemahaman para murid untuk memahami teks bacaan.

TUJUAN KAJIAN

Sehubungan itu, beberapa perkara yang telah dikenal pasti sebagai tujuan program pemulihan berkenaan, iaitu :

1. membantu murid yang lemah mencapai objektif pembelajaran yang belum dicapai dalam pelajaran lampau;
2. membantu murid untuk memperkembangkan potensi diri mereka;
3. membantu murid untuk membina keyakinan diri; dan
4. memberi peluang kepada murid untuk belajar sesuatu kemahiran khususnya kemahiran membaca dan bertutur mengikut tahap kebolehan masing-masing.

Lantas, kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan program membaca untuk meningkatkan tahap pemahaman murid.



KAJIAN LEPAS

Membaca pada hakikatnya ialah suatu kegiatan memahami bacaan untuk memperoleh informasi atau pesanan yang terkandung di dalam teks bacaan. Untuk memperoleh kemampuan membaca yang memadai, seseorang memerlukan banyak pengetahuan dan kemampuan lain sebagai pendukung. Herber (1978) berpendapat bahawa membaca merupakan proses berfikir yang meliputi beberapa kegiatan umum, iaitu:

1. decoding; yang melibatkan murid memahami dan menghubungkan simbol-simbol fonem yang membentuk perkataan yang melibatkan murid memindahkan gabungan lambang-lambang yang dibacanya kepada sistem saraf untuk diterjemahkan kepada bunyi-bunyi bahasa yang mewakili lambang-lambang fonem tersebut agar dapat difahami apa yang dibaca;
2. interpretasi; yang melibatkan murid membuat interpretasi berdasarkan gabungan simbol-simbol (huruf); dan
3. aplikasi; yang melibatkan murid menerapkan idea atau pengetahuan yang diperoleh melalui bacaan dengan pengalaman yang pernah dialami dalam kehidupan sehari-hari.

Menurut suatu kajian yang dijalankan untuk menentukan keberkesanan mendedahkan murid kepada pembelajaran dwibahasa, Kulh (2011) mendapati kanak-kanak yang mempelajari Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda sebelum mencecah usia lapan tahun mempunyai peluang yang lebih baik untuk mahir dalam kedua-dua bahasa di peringkat yang lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang mula lebih lewat. Selain itu, pengaruh dan sokongan keluarga dalam pembelajaran Bahasa Ibunda kanak-kanak (Ren Hu, 2013; Dixon, Wu dan Daraghmeh, 2012; Abu Bakar, 2005; Li & Rao, 2005), kekerapan Bahasa Ibunda didengari dan dituturkan serta penekanan penggunaan Bahasa Ibunda (Dixon, Wu dan Daraghmeh, 2012) juga akan mempengaruhi tahap penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak itu.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama, iaitu:



1. Tahap Tinjauan

Meninjau permasalahan dan membuat tinjauan terhadap profil dan kelakonan murid.

2. Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

Menentukan bahan praujian dan pascaujian, serta pentadbiran ujian untuk mendapatkan informasi tentang tahap persediaan murid yang disusuli dengan proses melakarkan program pemulihan bertahap oleh pengkaji.

3. Tahap Pemantauan

Menjalankan sesi pengajaran menggunakan pakej Bacalah Sayang yang telah dihasilkan. Sesi pemantauan di dalam kelas dilakukan untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Maklum balas murid diperoleh melalui sesi refleksi murid dan komen ibu bapa. Murid juga akan menilai tahap pencapaian mereka dengan menggunakan senarai semak.

Pemantauan dijalankan secara berterusan untuk memantau keberkesanan program ini serta mengenal pasti jurang yang wujud sewaktu program ini dilaksanakan di dalam bilik darjah. Maklumat-maklumat yang diperolehi digunakan untuk merapatkan jurang yang timbul dan memperbaiki bahagian program yang kurang berkesan dan memerlukan tindakan susulan.

Subjek Kajian

Kohort murid Darjah 3 dan Darjah 5 telah dipilih sebagai subjek kajian. Jumlah murid yang telah dikenal pasti di peringkat Darjah 3 dan Darjah 4 lebih ramai berbanding dengan kohort Darjah 5. Perangkaan ini diperoleh berdasarkan keputusan ujian lisan setiap pelajar. Hasil tinjauan terhadap para pelajar yang telah dikenal pasti ini disebabkan latar belakang keluarga yang pelbagai maka wujud jurang dari segi pendedahan, pengetahuan serta penguasaan mereka dalam bahasa Melayu. Majoriti daripada mereka tidak didedahkan pada bahasa Melayu dan mereka sendiri jarang menggunakan bahasa tersebut semasa berinteraksi. Ibu bapa murid juga kurang memberi penekanan pada



kepentingan bahasa ibunda. Malah mereka lebih senang berbahasa Inggeris. Ada antara murid ini yang mengambil bahasa Mandarin semasa di peringkat prasekolah. Terdapat dua orang murid bangsa asing (Filipina dan India) belajar bahasa Melayu. Mereka mampu membaca secara mekanikal dengan baik tetapi pemahaman mereka terlalu rendah. Oleh yang demikian, hal ini menghambat pembelajaran murid secara keseluruhannya.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Bagi kaedah kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan berdasarkan kelakonan murid dalam dua peperiksaan sumatif utama (SA1 & SA2). Bagi sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi murid, serta temu bual dengan guru-guru dijadikan sandaran untuk memperkukuh bukti dalam menentukan keberkesanan dan kerelevanan program yang telah dijalankan.

Prosedur Kajian

Salah satu keprihatin pihak Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Park View ialah peningkatan jumlah murid yang gagal dalam subjek Bahasa Melayu bagi SA1 dan SA2. Berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2014, didapati bahawa hampir 10% daripada kohort Darjah 2 hingga Darjah 5 gagal dalam subjek Bahasa Melayu. Dapatan analisis item ujian menunjukkan bahawa hampir 80% daripada murid yang gagal lemah dalam komponen kefahaman berbilang pilihan (*multiple choice questions* - MCQ) dan kefahaman subjektif (*open-ended response* - OE).

Keterbatasan dari segi pengalaman dan inventori kosa kata yang dimiliki murid merupakan punca utama murid kurang arif untuk memahami teks petikan.

Kedua-dua komponen kefahaman (MCQ dan OE) menyumbang kepada 40% (peringkat Darjah 3 & 4) dan 30% (peringkat darjah 5) daripada markah keseluruhan bagi kertas utama penilaian. Melalui pengamatan guru, murid seringkali memberi fakta yang salah dan tidak menepati kehendak soalan. Ini kerana murid tidak memahami soalan dan tidak berupaya untuk mengenal pasti



kata kunci untuk membantu mereka mencari jawapan di dalam teks petikan.

Tahap tinjauan

Murid

Setelah melakukan kerja-kerja menganalisis markah murid, pihak jabatan telah melakukan tinjauan terhadap murid melalui borang senarai semak untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang profil murid, kaedah pengajaran membaca dan pemahaman yang dijalankan oleh guru serta prosedur penulisan yang lazimnya digunakan oleh murid semasa melengkapkan latihan kefahaman.

Guru

Bagi pihak guru pula, satu borang maklum balas guru telah diedarkan untuk mendapatkan respons guru tentang kaedah yang digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan komponen kefahaman, cabaran yang dialami semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan komen guru terhadap prestasi murid dan gaya pembelajaran yang seringkali digunakan oleh subjek kajian.

Ibu Bapa

Satu tinjauan juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas ibu bapa tentang pemilihan bahasa perantaraan di rumah, pendedahan yang diperoleh dan jenis sokongan yang dapat diberikan untuk membantu murid mempertingkatkan kemahiran berbahasa.

Hasil dapatan ketiga-tiga borang maklum balas dan senarai semak telah digunakan untuk mengena pasti masalah-masalah yang dialami oleh guru dan murid. Tiga punca masalah utama yang dikenal pasti adalah :

1. kurang pendedahan yang diberikan kepada murid untuk menggunakan bahasa Melayu di rumah;
2. tahap keyakinan guru untuk mengajar kemahiran membaca dan pemahaman untuk kelas pencapaian sederhana ;



3. kurang motivasi di dalam diri murid terhadap subjek bahasa Melayu; dan
4. sikap murid yang tidak membudayakan amalan membaca.


Tahap perancangan dan pelaksanaan

Setelah itu pihak pengkaji menghasilkan bahan praujian untuk mengenal pasti kelemahan murid secara rinci. Bahan praujian ini ditadbirkan pada bulan November untuk menentukan aspek-aspek kemahiran pemahaman yang harus diserapkan ke dalam pakej pemulihan yang bakal dihasilkan. Pihak jabatan telah melakarkan satu kerangka pemahaman bacaan untuk projek ini. Kerangka ini menerangkan pendekatan yang digunakan untuk pengajaran aspek-aspek kemahiran pemahaman, kaedah yang digunakan semasa proses pengajaran, jangka waktu bagi setiap pengajaran dan mekanisme yang bakal digunakan untuk menilai tahap kelakonan dan prestasi murid.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Program ini bermula pada 2014. Berikut adalah keputusan peperiksaan setiap murid yang terlibat dalam program ini berdasarkan komponen lisan dan kefahaman SA1 dan SA2 sebagai penanda aras untuk menilai murid.

Rajah 1: Analisis Markah Murid Bagi Peperiksaan Utama



Rajah 1 menunjukkan prestasi murid dalam tiga ujian penilaian utama yang telah dijalankan. Pada SA2 2014, kesemua murid yang tersenarai dalam program Bacalah Sayang telah gagal dalam peperiksaan SA1. Terdapat peningkatan yang positif dalam jumlah murid yang lulus dalam kertas utama semasa ujian penilaian berterusan CA1 2015, khususnya dari kohort Darjah 3 dan 4.


Rajah 2: Analisis Markah Murid Bagi Komponen Kefahaman (*MCQ & FIB*)



Rajah 2 menunjukkan prestasi murid dalam komponen kefahaman objektif dan subjektif. Pada SA2 2014, kesemua pelajar yang tersenarai dalam program ini gagal dalam kedua-dua komponen kefahaman. Namun, terdapat peningkatan yang ketara dalam peratusan murid yang lulus semasa ujian penilaian berterusan bagi setiap kohort. Bagi kohort Darjah 2 terdapat peningkatan sebanyak 28.5%, manakala bagi kohort Darjah 3 dan Darjah 4 peningkatan sebanyak 40% murid yang lulus.



Rajah 3: Analisis Markah Murid Bagi Komponen Lisan



Berdasarkan keputusan setiap murid bagi kedua-dua komponen (Lisan dan Kefahaman), telah terbukti bahawa dengan adanya program khusus seperti ini, para pelajar mampu meningkatkan keupayaan mereka dalam menguasai bahasa Melayu. Walaupun jurang markah antara SA1 dan SA2 tidak begitu ketara, dengan adanya bantuan yang lebih teratur dan sistematik maka setiap murid itu akan dapat mengikuti pengajaran guru dengan lebih baik kerana kekurangan yang mereka hadapi itu akan dapat diatasi secara bertahap. Murid didapati lebih yakin dan berani untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kelas kerana mereka sudah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan lebih baik berbanding sebelum mereka menyertai program ini. Kosa kata mereka juga sudah bertambah kerana buku-buku yang digunakan bagi program ini bertahap dan merangkumi pelbagai topik seperti tatabahasa, lisan, kefahaman dan juga karangan. Lihat Rajah 3 bagi perinciannya.

Dapatan awal melalui pemantauan guru pembimbing mendapati peningkatan dari segi keupayaan murid untuk menjawab soalan kefahaman. Murid juga lebih yakin untuk menggunakan kosa kata baharu yang telah dipelajari dalam aktiviti interaksi lisan di dalam kelas. Dapatan yang lengkap dan kukuh akan diperolehi di akhir Semester 2.



PENAMBAHBAIKAN PROGRAM

Guru-guru mempunyai tugas tambahan untuk menyediakan bahan-bahan pembelajaran yang perlu digunakan di dalam kelas pemulihan. Perkara-perkara yang harus diambil kira oleh guru semasa memilih bahan-bahan untuk aktiviti pemulihan harus menepati ciri-ciri berikut :

1. bahan pemulihan harus dapat memperbaiki kesulitan pembelajaran murid;
2. bahan pemulihan harus menggunakan sistem penilaian yang bersifat sendiri dan menggalak murid untuk berdikari. Arahan-arahan bertulis yang digunakan juga harus mudah difahami oleh murid yang lemah;
3. bahan pemulihan harus menggalak pelajar untuk maju mengikut kadar perkembangan masing-masing; dan
4. dapat menggalak pencatatan secara sistematik kemajuan akademik murid.

Selain daripada itu, guru yang terlibat dalam program pemulihan harus mengambil kira pendapat murid untuk membuat keputusan mengenai jenis-jenis bahan pemulihan yang harus digunakan dalam pembelajaran. Guru juga harus memastikan bahan-bahan pembelajaran mencukupi dan sesuai untuk membetulkan kesulitan pembelajaran murid yang khusus.

KESIMPULAN

Peningkatan dari segi keputusan akademik murid dan tahap kecenderungan mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu merupakan satu testimoni terhadap usaha gigih yang telah dijalankan oleh guru-guru yang ditugaskan untuk menjalankan program pemulihan. Untuk menjalankan program pemulihan secara berkesan, guru harus arif dari segi pemilihan bahan pengajaran yang pelbagai untuk merangsang murid agar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Guru perlu sedar tugas menjalankan program pemulihan memerlukan kesabaran dan ketekalan untuk menangani masalah-masalah yang timbul sepanjang proses pengajaran. Berkat usaha jitu yang diamalkan oleh guru, diharap dapat memberi manfaat kepada murid lemah dan mempermudah perjalanan mereka mengharungi sistem pendidikan Singapura dengan lebih berkesan.



Guru-guru lain yang terlibat menjalankan kajian:

- Kamarulzaman Hashim
- Nurul Huda Abdul Wahid
- Zubaidah Othman

RUJUKAN

- Anan T. dan Buehl M. M. (2012). Teacher's conception of reading comprehension and motivation to read dalam *Teachers and teaching: theory and practice*, 101-122.
- Dixon L., Wu S. dan Daraghmeh A. (2012). Profiles in Bilingualism: Factors Influencing Kindergartners' Language Proficiency. *Early Childhood Education Journal*, 40(1), 25-34.
- Herber H. L. (1978). *Teaching reading in content areas*. New Jersey: Prentice Hall. Inc.
- Rosow A. (2001). Engaging students in meaningful reading. *Teaching Exceptional Children*, 33, 150-170.
- University of Washington (2011). Bilingual babies' vocabulary linked to early brain differentiation. *Science Daily*. Dimuat turun pada April 19, 2015 daripada www.sciencedaily.com/releases/2011/08/110829070559.htm

